

31 MAY 2003

Mustapa-Usahawan

USAHAWAN KECIL DAPAT MANFAAT BESAR

KOTA BAHARU, 31 Mei (Bernama) -- Peniaga dan usahawan kecil merupakan kumpulan yang paling banyak bakal mendapat manfaat daripada pakej ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata kerajaan telah memperuntukan RM2.25 bilion di bawah pakej itu kepada golongan itu.

Peruntukan itu akan disalurkan kepada golongan itu sebagai modal dalam keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya, katanya kepada pemberita selepas melancarkan promosi Arked Uda di sini hari ini.

Mustapa berkata pinjaman itu pula akan diberikan secara mudah termasuk tanpa perlu penjamin asalkan perniagaan mereka berdaya maju.

"Antara masalah utama yang dihadapi oleh peniaga kecil ialah untuk mendapatkan penjamin sedangkan perniagaannya berdaya maju, jadi oleh kerana masalah untuk mendapatkan penjamin banyak peniaga yang gagal mendapat pinjaman," katanya.

Mustapa juga berkata Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan (Tekun) merupakan satu model terbaik untuk membantu usahawan kecil dalam mendapatkan pinjaman.

"Tekun mempunyai prestasi yang baik dan kerajaan telah menilai peranan Tekun. Bank Negara Malaysia berpendapat bahawa Tekun merupakan satu institusi yang terbaik untuk memberi pinjaman kepada usahawan kecil," katanya.

--BERNAMA

BD